

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2022
MENGENAI AKTIVITI AGENSI NEGERI MELAKA**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Agensi Negeri Melaka. LKAN ini melaporkan satu tajuk pengauditan prestasi mengenai aktiviti agensi negeri seperti berikut:

1.1. Pengauditan Prestasi

**a. Pengurusan Zoo dan Taman Burung Melaka
(Sehingga 31 Disember 2022, terdapat 86 spesies hidupan liar yang merangkumi 56 mamalia, 18 reptilia dan 12 avian)**

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan aktiviti seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- faktor semula jadi merupakan faktor tertinggi kadar kematian hidupan liar iaitu sebanyak 401 (86.2%) daripada 465 ekor hidupan liar yang mati bagi tahun 2019 sehingga 2022;
- hidupan liar yang paling tinggi berjaya dibiakkan secara semula jadi adalah dari spesies mamalia iaitu sebanyak 223 ekor kelahiran dicatatkan dari tahun 2018 hingga 2022;
- pakej Zootroopers menjadi pakej utama pilihan pengunjung dengan bilangan pengunjung yang memilih pakej tersebut seramai 3,758 orang yang terdiri daripada 75 kumpulan sepanjang tahun 2019 sehingga 2022;
- bagi tahun 2020 hingga 2022, jumlah kutipan tiket yang diperolehi melalui projek usaha sama dengan syarikat swasta adalah berjumlah RM10.80 juta; dan
- kutipan keseluruhan hasil Zoo Melaka bagi tahun 2018 hingga 2022 adalah berjumlah RM43.77 juta iaitu menunjukkan trend peningkatan setiap tahun kecuali pada tahun 2020.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- bilangan pengunjung yang direkodkan bagi tahun 2018 hingga 2022 adalah seramai 1.83 juta orang; dan
- berdasarkan laporan Body Condition Score, sebanyak 24 (5.1%) ekor hidupan liar mengalami kekurangan berat badan dan menunjukkan bentuk fizikal badan yang kurus serta berada di bawah tahap optimum.

iii. Pengurusan Aktiviti

Penemuan utama Audit bagi aspek pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

- penerimaan seekor singa putih tidak dapat disahkan memandangkan tiada bukti nota penghantaran dan daftar aset hidup tetapi bayaran telah dilaksanakan;
- perolehan 150 ekor burung serindit tidak dapat disahkan kerana tiada sebarang pengesahan penerimaan dan pendaftaran di dalam daftar avian serta tiada nota penghantaran sebagai bukti penerimaan. Selain itu, tiada rekod kehilangan burung tersebut disediakan;
- bilangan ruang pameran hidupan liar yang terdapat di Zoo Melaka sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak 93 ruang pameran. Daripada jumlah tersebut, 77 (82.8%) ruang pameran masih digunakan manakala 16 (17.2%) ruang pameran tidak digunakan;
- sebanyak 36 (78.3%) daripada 46 kurungan di pusat kuarantin tidak digunakan sejak pengambilalihan Zoo Melaka oleh MPHTJ kerana tidak disenggara, terdapat kerosakan pada kelengkapan dan berada dalam keadaan usang;
- sebanyak 21 (77.8%) daripada 27 kemudahan yang disediakan untuk pengunjung masih boleh digunakan manakala enam (22.2%) tidak boleh digunakan oleh pengunjung disebabkan rosak dan usang; dan

- pengurusan keselamatan dan persekitaran di Zoo Melaka kurang memuaskan kerana terdapat pagar eksibit hidupan liar yang mengalami kerosakan, sistem pendawaian elektrik tidak sistematik dan peralatan permainan di taman hiburan kanak-kanak yang tidak diketahui status sama ada boleh digunakan dan terbiar.
2. Secara keseluruhannya, sebanyak tiga syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara kepada Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.